

270,000 kanak-kanak dijangkiti Covid-19

Sinar HARIAN C 16/02/2022 KLS 08

Turut melibatkan sebanyak 63 kematian bagi tempoh Julai hingga Disember lalu

KUALA LUMPUR

Seramai 270,000 kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dijangkiti Covid-19 antara Julai dan Disember tahun lepas, kata Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali.

Beliau berkata, dalam tempoh sama, seramai 63 kanak-kanak di bawah umur 12 tahun telah meninggal dunia akibat Covid-19 manakala kajian daripada 14 hospital kerajaan di seluruh negara mendapati 174 kes sindrom keradangan berbilang sistem pada kanak-kanak (MISC) telah dikesan.

“Daripada jumlah itu, 56 peratus

atau 100 kes MISC berlaku pada kanak-kanak dalam lingkungan umur lima hingga 12 tahun dan empat peratus kematian. Kanak-kanak boleh terjejas teruk (oleh Covid-19) dan kanak-kanak telah dibawa ke mana-mana.

“Prosedur operasi standard (SOP) telah dilonggarkan, orang ramai melancong, berkelah atau ke pusat beli-belah dengan membawa anak-anak mereka dan kini anak-anak kembali ke sekolah (namun), semua orang telah divaksinasi kecuali kanak-kanak,” katanya ketika menjadi tetamu dalam program *The Nation* terbitan *Bernama TV* yang disiarkan pada Selasa.

Dr Noor Azmi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Imunisasi Covid-19 Kanak-Kanak (CITF-C) berkata, adalah penting untuk kanak-



DR NOOR AZMI

kanak diberi vaksin kerana mereka berisiko mendapat komplikasi akibat Covid-19 iaitu MISC yang menyebabkan keradangan dan komplikasi kepada pelbagai organ dan Covid-19 jangka panjang.

PICKids yang bermula pada 3 Februari menyasarkan 3.6 juta kanak-

kanak berumur lima hingga 11 tahun untuk melindungi golongan itu daripada jangkitan Covid-19.

Ia juga bertujuan memastikan risiko jangkitan di sekolah dapat dibendung, sekali gus mengelakkan kluster dalam kalangan murid.

Setakat Isnin, seramai 206,748 kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun di negara ini telah menerima dos pertama vaksin Covid-19.